

PERAPATAN JURANG: SOSIOLOGI DAN SEJARAH

Rahimah Abdul Aziz

I

PENGENALAN

Lazimnya konsep sosiologi seperti kuasa, kelas, konflik dan susun-lapis diaplikasikan untuk menganalisis fenomena sosial dalam konteks masyarakat masakini. Melalui usaha sedemikian telah terhimpun kajian yang menghuraikan berbagai-bagai isu sosial sama ada dari aspek teoritis atau empiris. Demikianlah bentuknya bagi hampir kesemua kajian berbentuk sosiologikal tentang masyarakat umpamanya, termasuk mengenai masyarakat Malaysia.

Kebelakangan ini muncul pula usaha untuk mengaplikasikan konsep sosiologi yang sama dalam konteks masyarakat yang lepas atau *historical societies*. Timbulnya usaha seperti ini berpunca daripada keinginan para sosiologis (juga para antropologis dan ahli sains politik) memahami permasalahan dan pembentukan sosial semasa melalui penelitian tentang keadaan kehidupan sosial yang lampau. Perasaan tidak puas hati terhadap karya tokoh sejarah konvensional telah menyebabkan timbulnya usaha menulis semula sejarah dari sudut yang baru dengan menggunakan alat-alat analisis yang lain. Dengan adanya usaha-usaha ini maka wujudlah satu sub-bidang dalam disiplin sosiologi yang dikenali sebagai *historical sociology* atau sosiologi sejarah dalam mana terdapat usaha-usaha menggabungkan disiplin sosiologi dan sejarah.

II

MERAPATKAN JURANG: KES UNTUKNYA

Hubungan antara sosiologi dan sejarah telah lama menarik minat ramai sarjana daripada kedua-dua bidang berkenaan. Hubungan itu pula bukanlah semata-mata bersifat antara disiplin. Isu sejarah dalam sosiologi ini telah menarik banyak perhatian terutama selepas Perang Dunia Kedua. Sungguhpun perhatian ini bukanlah satu perkara yang baru dalam disiplin sosiologi seperti yang didakwa oleh setengah pihak, tetapi telah wujud semenjak bermula-

nya sosiologi bersifat akademik di Perancis dan Jerman lagi.¹ Namun, isu ini masih belum nampak kesudahannya. Sempadan yang konvensional antara sejarah dan karya teoritis dalam sosiologi masih lagi ada.

Sungguhpun hubungan antara sosiologi dan sejarah telah lama wujud, kecenderungan untuk menganggap kajian sejarah dan kajian tentang kehidupan sosial sebagai dua bentuk kesarjanaan yang berasingan dengan identitinya yang berlainan, telah menyebabkan para sosiologis mendekati penggunaan rekod sejarah dengan perasaan curiga. Namun, sungguhpun ada kalanya sosiologi berpisah daripada sejarah, secara umumnya terdapat suara mendesak supaya sosiologi memberikan perhatian yang lebih kepada sejarah.² Bahkan, Abram (1983:ix) berpendapat "there might be much to be gained by reconstituting history and sociology as historical sociology".

Memandangkan hal ini maka adalah semakin penting untuk merapatkan jurang yang memisahkan sosiologi dan sejarah.³ Jurang yang wujud antara sosiologi dan sejarah ini adalah kerana masing-masing bidang itu kurang mengetahui tentang kaedah dan hasil usaha yang satu lagi. Tidak ramai para sosiologis yang menerima latihan dalam bidang atau kaedah sejarah dan begitu juga sebaliknya. Untuk merapatkan jurang ini kefahaman terhadap ciri-ciri sosiologi dan sejarah adalah perlu. Sungguhpun tidak terdapat perbezaan yang besar antara sejarah dan sosiologi atas alasan bahawa kedua-dua disiplin itu memberi tumpuan kepada hubungan antara pengalaman peribadi dan organisasi sosial, namun terdapat juga perbezaan. Erikson (1970) umpamanya, telah mengemukakan beberapa ciri yang membezakan dua disiplin ini. Antara lain sejarah memberikan tumpuan kepada 'masa lampau' sedangkan sosiologi lebih memfokus kepada 'masa kini', iaitu wujudnya perbezaan dari segi jangkamasa yang diambilkira. Kedua-dua disiplin ini mempunyai perasaan bahawa jenis orientasi intelektual yang diperlukan untuk mengkaji masa lampau adalah agak berbeza daripada yang diperlukan untuk mengkaji masa kini.

Lipset (1968:23) pula berpendapat bahawa dari sudut pandangan *ideal-typical*, tugas ahli sosiologi ialah merumus hipotesis umum yang diharapkan terletak dalam kerangka teoritis yang lebih besar dan kemudian menguji hipotesis itu. Tokoh sosiologi lebih mengambilkira tentang ciri-ciri umum dalam pengalaman sosial iaitu pola aktiviti harian yang berkali-kali muncul dalam aturan sosial. Mereka cuba mendapatkan keaturan (*regularities*) dan keselarian/kesamaan dalam perlakuan manusia supaya pola tertentu akan dapat dibina dan hukum-hukum umum ditemui. Sebaliknya, tokoh sejarah lebih mengambilkira tentang peristiwa

khusus dalam aliran masa yang telah mempengaruhi masa hadapan. Mereka mencari peristiwa yang unik dan berbeza dalam perlakuan manusia dengan harapan dapat memahami apa yang telah berlaku dengan setepat mungkin. Dengan itu, sosiologi lebih dianggap sebagai *nomothetic* dan objektif, sedangkan sejarah lebih bersifat *idiographic* dan subjektif.⁴ Perbezaan *idiographic-nomothetic* antara sejarah dan sosiologi ini telah memberikan kerangka untuk saranan tentang perlunya karya dan kajian antara disiplin (Wolff, 1959). Sejarah dikenalpasti dengan peristiwa masa lampau yang sedia ada dan dengan itu, dengan yang khusus, sedangkan sosiologi dikaitkan dengan peristiwa yang sejagat. Sebagai bidang yang mengkhusus tentang hal-hal yang bercorak idiografik sejarah adalah lebih perihatin dengan fakta-fakta turutan, sedangkan sosiologi sejarah menganalisis tentang fakta ulangan (Xenopol 1938:1089-1090). Dalam perkataan lain, sejarah memberi perhatian kepada yang unik, yang tidak berulang-ulang, atau pada individu tertentu umpamanya kepada zaman pemerintahan Sultan Abu Bakar, Johor,⁵ sedangkan sosiologi mengemukakan hukum-hukum umum, yang berulang, atau menekankan kedudukan sosial.

Terdapat juga perbezaan dari segi proses mengkonseptualisasi dan peristilahan serta dalam cara kedua-dua disiplin sosologi dan sejarah ini melihat *perkaitan* antara pembolehubah yang dikaji. Sosiologi melihat perkaitan itu secara *lateral*, sedangkan sejarah melihat perkaitan yang terdapat secara berturutan. Kedua-dua disiplin ini juga mempunyai anggapan⁶ yang berlainan tentang apa yang merupakan “penerangan” yang munasabah.

Sungguhpun terdapat jurang yang memisahkan kedua-dua disiplin itu, namun jurang ini kini dianggapkan kian merapat. Terdapat kemungkinan atau usaha menyatukan semula kaedah/bidang sosiologi dan sejarah untuk menganalisis proses sosial dan struktur institusi dalam masyarakat masa lampau. Kemungkinan ini timbul kerana secara umumnya kesarjanaan sejarah dianggap sebagai “... an indispensable auxillary to sociology” (Durkheim, 1958:238) dan bahawa pengetahuan tentang sejarah merupakan asas untuk menteori (Weber, 1959:102). Berdasarkan ini maka perbezaan antara pendekatan sosiologi dan sejarah kemungkinan akan hilang. Perbezaan antara dua disiplin ini juga semakin pudar kerana:

It is no longer clear that historians and sociologists rely upon different sources of information. Historians are beginning to generate their own data by procedures developed in the social sciences, and sociologists, in turn, are frequently deriving their materials from documents of precisely the sort employed by historians (Erikson, 1970:331).

Anggapan bahawa jurang perpisahan itu kian merapat adalah juga kerana semakin terdapat tokoh sejarah⁷ yang menyeberangi sempadan itu untuk mendapatkan teknik dan konsepsualisasi yang baru. Mereka menyedari bahawa dengan menggunakan konsep dan kaedah yang dikembangkan dalam bidang sosiologi atau bidang sains sosial yang lain tidaklah akan menyebabkan mereka bertukar menjadi tokoh sains sosial yang *systematizing*. Bahkan penggunaan itu akan memberikan tokoh sejarah itu berbagai-bagai set kategori yang boleh digunakan untuk menyusun bahan-bahan sejarah dan kemungkinan meningkatkan lagi keupayaannya membuat penerangan bercorak interpretif atau sebab akibat. Juga, jurang *idiographic-nomothetic* antara sejarah dan sosiologi ini kian hilang disebabkan terdapatnya historiografi bersifat analitik.⁸

Begitu juga terdapat para sosiologis⁹ yang menyeberangi sempadan itu khususnya kerana ingin mendapatkan data yang banyak yang terletak di dalam arkib. Kadar perubahan yang cepat dalam dunia moden telah antara lain menggalakkan para sosiologis melihat masa kini sebagai sejarah dan mereka mula mencari rekod-rekod masa lampau untuk melihat ada atau tidaknya keselarian antara proses perindustrian dan pembandaran serta revolusi yang mereka lihat berlaku di sekeliling mereka itu. Selain itu, para sosiologis ingin mendapatkan maklumat tambahan yang boleh dianalisa oleh kaedah sosiologi yang standard dan diguna untuk menghasilkan hipotesis sosiologi yang standard (Erikson 1970:336). Dengan itu, boleh dikatakan bahawa penyatuan terus-menerus antara bidang sosiologi dan sejarah ini akan membolehkan analisis sosiologi membuat sumbangan yang lebih bermakna dalam usaha memahami masyarakat masa lampau.

Konflik dan perubahan yang terus-menerus berlaku dalam komuniti, masyarakat, negara dan dunia secara keseluruhan, akan sentiasa menyebabkan teori dan tafsiran baru dirumuskan. Untuk ini analisis berorientasikan sejarah adalah amat menarik (Skocpol 1985:5) kerana wujudnya unsur ketidakpastian tentang penerusan aliran dan hubungan yang sedia ada. Dengan itu analisis bercorak sejarah memungkinkan pemahaman tentang bagaimana pola masa lampau dan *alternative trajectories* mungkin relevan atau tidak relevan untuk pemilihan masa kini. Lagipun, dengan memberikan perhatian kepada dan menggunakan data sejarah para sosiologis akan mendapatkan pemahaman yang lebih tajam tentang hubungan yang wujud antara peristiwa-peristiwa sosial yang berlaku menerusi masa.

Secara umum sifat dan ciri sosiologi dan sejarah telah dibincangkan dan dianalisa oleh ramai penulis seperti Erikson (1970), Timasheff (1955), McKinney (1957), Ginsberg (1932) dan

Nadel (1951). Walau bagaimanapun, yang lebih penting lagi ialah faedah yang boleh diperolehi daripada kewujudan kerjasama antara kedua-dua disiplin itu. Ini kerana dalam sub-disiplin tertentu sosiologi seperti kajian tentang perubahan sosial, pembangunan, penghijrahan, arahaliran sosial dan pergerakan sosial, pengetahuan dan data sejarah adalah penting untuk analisis perbandingan. Para sosiologis boleh mempelajari daripada tokoh sejarah tentang bagaimana menggunakan dokumen. Juga kerana pertemuan yang diperoloni akan menunjukkan bahawa tidak adanya kesahihan *trans-cultural* dan *trans-temporal*. Sebaliknya, tokoh sejarah¹⁰ boleh mempelajari daripada para sosiologis, antara lain tentang kegunaan teknik statistiks deskriptif dan analisis kandungan (*content analysis*), tentang beberapa konsep dan penemuan serta faedah memahami fenomena semasa untuk mengkaji masa lampau (Wolff, 1953:34).

Sejarah juga perlu diberikan tafsiran sosiologikal supaya dapat mendalamai dan memahami hubungan yang terdapat antara manusia, situasi, peristiwa dan masyarakat kerana bukan saja terdapatnya kesan masa lampau dalam masa kini tetapi wujudnya pengaruh timbal-balik antara unit-unit tadi apabila berlakunya sesuatu. Dengan mengambilkira aspek sejarah juga akan menggambarkan adanya kesinambungan dan perubahan di semua peringkat realiti sosial dan bahawa sesuatu itu tidak dikaji secara terasing daripada satu keseluruhan. Selain itu juga realiti yang sama boleh dianalisa daripada dua kerangka masa yang berlainan. Sememangnya reaksi menentang usaha membina semula sejarah secara imaginasi seperti yang diamalkan oleh para sosiologis yang awal dan penggunaan kaedah difusinis yang melampau telah menyebabkan ramai para sosiologis dan antropologis bertindak melihat masyarakat sebagai satu sistem yang abstrak tanpa mempunyai apa-apa sejarah. Namun, dengan sengaja tidak mengambilkira aspek sejarah itu bermakna menolak dan mengabaikan keupayaan serta faedah mempelajari daripada pengalaman masa lampau. Ini kerana apa yang berlaku dalam masyarakat pada masa kini adalah hasil kesan masa lepas dan hasil apa yang dijangkakan akan berlaku pada masa hadapan, bukanlah semata-mata disebabkan keadaan semasa.

Oleh kerana sosiologi mengambilkira perkara yang berulang-ulang untuk membentuk struktur, pola, hubungan dan konsep maka,

the process of singling out structure from the flux of history cannot be detached from conceptualizing typical elements and relations within any particular structure, past or present (Zaret 1978: 118).

Dengan itu, pertemuan sejarah dan sosiologi seperti dalam disiplin sosiologi sejarah akan dapat menyumbang kepada pemahaman tentang masa kini dengan mendedahkan *the historical actuality* masyarakat yang dikaji. Sosiologi boleh membantu pakar sejarah memahami bahawa aspek-aspek kehidupan sosial yang pada mulanya kelihatan agak terpisah, sebenarnya boleh disatukan atau merupakan gabungan dalam satu keseluruhan. Penyelidikan jenis ini juga berjaya meningkatkan taraf dan teknik penyelidikan, memupuk sikap yang lebih peka terhadap bahan-bahan empiri dan menjamin adanya hubungan yang lebih rapat antara imaginasi sosiologi dan bukti sejarah. Bahkan, gabungan dua pengalaman dan latihan yang berbeza—sosiologi dan sejarah—akan membolehkan masyarakat difahami dengan lebih sempurna lagi. Dengan ini seseorang pengkaji akan lebih berupaya menilai masa kini yang telah wujud hasil masa lampau untuk membolehkannya menghadapi masa hadapan dengan lebih bijak lagi. Pendek kata, gabungan dua disiplin ini akan membolehkan pakar sejarah berfikir secara sosiologi. Begitu juga, para sosiologis akan mendapat faedah daripada keupayaan berfikir secara sejarah.

III

PERKEMBANGAN SOSIOLOGI SEJARAH

Dengan disebutkan bahawa banyak faedah boleh diperolehi dengan membentuk semula sosiologi dan sejarah sebagai sosiologi sejarah (Abrams, 1983:ix). Sosiologi sejarah merupakan satu cara mendekati data sejarah, satu gaya historiografi yang cuba menerang dan memahami masa lampau dengan menggunakan model dan teori sosiologi. Konsep dan prinsip sosiologi diguna untuk menerang dan menganalisa situasi sebenar sejarah di peringkat abstraksi dan generalisasi yang lebih tinggi. Sebaliknya, data sejarah boleh diguna untuk mengilustrasi dan menguji kesahihan konsep, prinsip dan teori sosiologi.¹¹

Dari segi perkembangannya, sosiologi sejarah atau boleh juga digelar sebagai mendekati analisis sosial secara sejarah, menduduki tempat yang penting dalam tradisi sosiologi Eropah abad ke-19. Asas bidang ini terletak dalam karya ahli falsafah sosial, terutama Auguste Comte, Karl Marx, Emile Durkheim, Alexis de Tocqueville, Max Weber dan Herbert Spencer, yang sekaligus merupakan pengasas bidang sosiologi abad ke-19. Pergolakan yang berlaku pada zaman itu menyedarkan tokoh-tokoh tersebut tentang perlunya satu pendekatan yang lebih bersifat sejarah untuk meneliti dan

memahami masalah bersifat sosiologi seperti tentang perubahan dan pembangunan, dan tentang asalmula, sifat dan kesan kapitalisme industri. Berdasarkan orientasi sejarah ini ahli falsafah sains sosial tersebut cuba meletak dan menerangkan struktur sosial dan proses perubahan Eropah pada zaman moden, iaitu pada zaman selepas berlakunya revolusi industri.

Walau bagaimanapun perkembangan disiplin ini dan orientasi sejarahnya telah mengalami kegerhanaan¹² apabila munculnya *the antihistoricism of 'grand theory'* dan *abstracted empiricism* (Mills: 1959). Selain itu tumpuan juga telah diberi kepada pengajian ber-corak kuantitatif, penggunaan metodologi yang ketat (*rigorous*) dan teori yang sistematik tentang corak sosial yang khusus yang mencirikan karya-karya yang terdapat dalam disiplin itu seperti *The Social System* (1951) oleh T. Parsons dan *Suicide* (1957) oleh E. Durkheim. Selain itu, teori evolusi tentang modenisasi dan determinisme ekonomi Marx juga telah menyumbang kepada keadaan kegerhanaan itu.

Sungguhpun untuk seketika perkembangan disiplin sosiologi sejarah telah mengalami kegerhanaan, tetapi tokoh-tokoh utama semasa seperti Charles Tilly, E. P. Thompson, Barrington Moore, Marc Bloch, Immanuel Wallerstein, S. N. Eisenstadt, Karl Polanyi dan Perry Anderson telah berusaha meneruskan tradisi yang telah dimulakan oleh pengasas sosiologi. Bidang sosiologi sejarah ini atau minat terhadap status sejarah dalam sosiologi, telah mengalami kebangkitan semulanya selepas Perang Dunia Kedua, khususnya pada pertengahan tahun-tahun 1950-an dengan terbitnya *Work and Authority in Industry* (1956) oleh R. Bendix dan *Social Change in the Industrial Revolution* (1959) oleh N. J. Smelser. Pada tahun-tahun ini terdapatnya seruan untuk pendekatan yang lebih bersifat sejarah terhadap masalah sosiologi dan untuk mewujudkan kerjasama yang rapat antara kedua-dua disiplin itu (Bonnell 1980: 156). Skocpol (1985: 4-5) telah menerangkan sosiologi sejarah sebagai:

a continuing, ever-renewed tradition of research devoted to understanding the nature and effects of large scale structures and fundamental processes of change. Compelling desires to answer historically grounded questions not classical theoretical paradigms, are the driving force.

Bahkan, sosiologi sejarah menjadi “a trans-disciplinary set of endeavours that simply has always had one important center of gravity within the academic discipline of sociology” (Skopol 1985: 359), apabila ia difahamkan sebagai tradisi yang berterusan tentang penyelidikan terhadap sifat dan kesan struktur berskel besar serta proses perubahan yang berjangka panjang.

Skocpol (1985: 1-2) telah mengemukakan beberapa ciri sebagai menerangkan bidang sosiologi sejarah ini. Antaranya bidang ini mengemukakan persoalan tentang struktur dan proses sosial yang difahamkan sebagai *correctly situated* dari segi masa dan ruang. Bidang ini mengkaji proses yang berlaku menerusi masa dan mengambil kira secara serius akan urutan masa untuk menerangkan kesan. Selain itu perhatian juga diberikan kepada perkaitan yang terdapat antara tindakan yang bermakna dan konteks struktural untuk memahami perkembangan sesuatu kesan ke atas kehidupan individu dan transformasi sosial. Bidang ini juga menarik perhatian kepada ciri-ciri yang khusus dan yang berbeza tentang jenis struktur sosial dan pola perubahan yang tertentu.

Secara ringkasnya sosiologi sejarah mengkaji masyarakat lepas dan melihat perkembangan masyarakat itu dengan meneliti perkaitan aspek-aspek ekonomi-politik-sosial dan faktor-faktor dalaman serta luaran yang telah mempengaruhi dan menyumbang kepada proses itu. Untuk ini sekumpulan teori tentang perubahan sosial dan pembangunan digunakan. Kumpulan teori ini pula telah dihasilkan akibat penyelidikan bersifat empiris terhadap data sejarah dan semasa dan sentiasa tertakluk kepada kritikan serta penyelidikan semula daripada perspektif yang berbeza-beza. Becker (1940, 1950) dan Barnes (1948) berpendapat bahawa sosiologi sejarah terdapat dalam usaha mendapatkan keaturan dalam masa lampau dan kemudian mendapatkan generalisasi daripada keaturan itu.

Minat terhadap penyelidikan bercorak sosiologi sejarah¹³ terus meningkat pada tahun-tahun 1960-an sebagaimana dibuktikan oleh karya Bendix, *Nation Building and Citizenship* (1964), Tilly, *The Vendee* (1964) dan Moore, *Social Origins of Dictatorship and Democracy* (1966). Namun, hanya pada tahun-tahun 1970-an pengajian sosiologi tentang sejarah (*sociological study of history*) berjaya diterima penuh ke dalam disiplin sosiologi (Bonnell 1980: 157). Menurut Tilly (1981), pada masa itu mula muncul analisis bercorak sejarah tentang perindustrian, pemberontakan, struktur famili dan sebagainya di dalam jurnal yang dibaca oleh tokoh-tokoh sosiologi. Boleh dikatakan bahawa wujud desakan supaya perhatian yang serius diberikan semula kepada sejarah. Hal ini adalah akibat daripada pemisahan sementara sosiologi daripada sejarah yang berlaku pada abad ke-19. Sikap mengabaikan bukti-bukti serta data sejarah telah memberikan pengajaran kepada sosiologi bahawa kesilapan dan kesalahantafsir boleh berlaku dalam analisis.

Satu perkara yang turut menyumbang kepada kebangkitan semula minat sosiologi terhadap sejarah ialah kesedaran para sarjana bahawa kebanyakannya daripada usaha kesarjanaan yang terdapat dalam profesion mereka adalah tidak mendalam, bahkan remeh-temeh sahaja. Juga, bahawa proses membentuk dan mengembangkan konsep hanya merupakan tidak lebih daripada sumbangan kecil dalam proses menerangkan atau mempertahankan sesuatu pendapat dengan menggunakan bahasa yang sukar difahami (Sommit, A. dan J. Tannenhouse, 1964:14). Lagipun teori fungsionalis tidak berjaya meramalkan atau menerangkan jenis-jenis konflik sosial yang muncul pada tahun-tahun 1960-an. Teori ini juga kelihatan seolah-olah telah mengabaikan atau memperkecilkan apa yang dianggap sebagai masalah terpenting pada masa itu seperti masalah Perang Vietnam dan tentang hak-hak asasi rakyat.

Satu lagi sumbangan yang signifikan ke arah kebangkitan semula minat terhadap sosiologi sejarah dan perbandingan ialah kemunculan bidang sosiologi pembangunan (Lipset 1968:21). Tokoh-tokoh sosiologi yang berminat tentang masalah memodenkan dan membangunkan masyarakat serta tentang pembinaan negara-bangsa terutamanya di negara Dunia Ketiga, mula memahami dan menyedari bahawa negara-negara yang telah terlebih dahulu membangun dapat menggambarkan atau menjelaskan tentang masalah-masalah itu. Dengan demikian minat terhadap pembangunan secara perbandingan telah mengakibatkan kemunculan semula minat terhadap analisis bersifat sejarah. Juga, kehampaan terhadap model modenisasi dan pembangunan telah menyebabkan para peneliti perubahan sosial berskala besar mula mengalihkan perhatian mereka kepada sejarah. Apabila minat terhadap perubahan dan pembangunan mula meningkat selepas Perang Dunia Kedua, terutama di negara Dunia Ketiga, tokoh ekonomi Barat telah cuba menerangkan tentang keadaan pembangunan di sana dan mengemukakan cadangan pembangunan dengan berpandukan/menggunakan pengalaman mereka sendiri. Sementara itu, tokoh sosiologi mereka pula membayangkan bentuk pembangunan yang lain — politik, sosial, pendidikan, pembandaran dan lain-lain — untuk mengiringi pertumbuhan ekonomi yang dijangka akan berlaku berdasarkan model Barat itu. Malangnya, teori dan model pembangunan yang dikemukakan itu gagal menerangkan apa yang sebenarnya berlaku di Dunia Ketiga. Kegagalan ini telah meyebabkan beberapa orang tokoh sosiologi yang lain mula menyelidiki sejarah Dunia Ketiga untuk mendapatkan penerangan alternatif dan cuba mengutarakan model-teori alternatif bagi pembangunannya sendiri.

Selain itu, perasaan hampa (*disillusionment*) terhadap teori *mainstream* telah menyebabkan para sarjana yang baru muncul cuba mencari satu kerangka teoritis dan model yang lain sebagai ganti. Mereka cuba mendapatkan cara-cara mengkritik sikap orthodoks saintifik sosial. Mereka juga mula tertarik kepada versi yang berlainan tentang idea Marxis, dan menekankan tentang kesedaran kelas, proses sejarah dan peranan berbagai-bagai struktur politik dan budaya. Dengan adanya minat yang diperbaharui terhadap penyelidikan dan penteorian yang berorientasikan sejarah ini, tokoh-tokoh sosiologi telah merujuk kepada karya-karya tertentu tokoh sosiologi klasik yang paling dapat membantu mereka memperkenalkan semula sosio-budaya, proses *temporal*, peristiwa yang konkret dan dialektik tindakan bermakna (*dialectic of meaningful action*) serta *structural determinants* ke dalam penerangan dan penyelidikan bercorak sosiologi makro.

Kini tokoh sosiologi sejarah masih terus mengkaji peristiwa-peristiwa yang berlaku sebelum, sifat dan kesan-kesan revolusi kapitalis dan demokratis yang asal yang berlaku di Eropah; kebangkitan kelas pekerja; Revolusi Industri, Revolusi Perancis, proses membirokrasikan *State* dan mendemokrasikan politik yang pernah dikaji dan diselidiki oleh pengasas sosiologi. Mereka terus membincangkan persoalan-persoalan yang pernah dikemukakan oleh tokoh-tokoh klasik terhadap persoalan tentang zaman mereka dan sebelumnya itu terus dirujuk dan diguna oleh para sosiologis semasa bukan saja kerana jawapan-jawapan itu tidak sentiasa tepat, benar atau sempurna, tetapi juga kerana idea mereka terus merupakan *benchmark* untuk menteori secara sosiologi.

Walau bagaimanapun, masalah-masalah khusus yang dikaji oleh para sosiologi sejarah semasa adalah lazimnya berbeza dan jawapan-jawapan baru dikemukakan dengan menggunakan bukti yang lebih mantap dan kaedah analisis yang lebih jelas berbanding dengan yang pernah digunakan dan dikemukakan oleh pengasas itu. Begitu juga topik baru yang meliputi jangkamasa dan tempat yang berlainan diperkenalkan. Penyelidikan yang dijalankan oleh tokoh sosiologi sejarah semasa ini adalah agak terpisah daripada *Western Eurocentric purview* yang secara tradisinya telah menghadkan soalan yang boleh dikemukakan dan corak yang boleh diselidiki oleh tokoh sosiologi sejarah tradisional. Namun begitu, mereka masih dapat mengemukakan gabungan-gabungan baru atau hujah-hujah yang mengiringi hujah-hujah klasik dengan menggunakan kaedah mereka sendiri yang berbeza untuk menjadi pengantara teori dan fakta sejarah.

IV

KAEADAH DAN PENDEKATAN SOSIOLOGI SEJARAH

Himpunan tulisan tentang aspek metodologi dalam sosiologi sejarah adalah agak berkurangan. Walau bagaimanapun, tidaklah pula bermakna bahawa sosiologi sejarah mempunyai satu saja epistemologi teoritis atau orientasi metodologi. Bahkan, tiada terdapatnya satu kaedah yang benar-benar khusus untuk sosiologi sejarah. Sebaliknya, terdapat berbagai-bagai pendekatan dan kaedah bagi membantu menjalankan penyelidikan dan membuat penganalisaan. Wujudnya berbagai pendekatan dan kaedah ini membayangkan kerencaman, ketidaksetujuan dan dilema yang sentiasa terdapat dalam sosiologi dan sains sosial secara keseluruhan.¹⁴

Secara umum, sosiologi sejarah memperlihatkan kemungkinan kaedah sosiologi dan sejarah disatukan untuk menganalisis proses sosial dan struktur institusi dalam masyarakat masa lampau. Cantuman kaedah dua disiplin ini telah membolehkan analisis sosiologi membuat sumbangan penting ke arah memahami masyarakat masa lampau itu kerana dalam sosiologi sejarah “*the writing of history ceases to be the opponent of sociology and becomes the subject of study*” (Oppenheimer, 1927). Sebagai satu kaedah, sosiologi sejarah muncul berdasarkan keinginan menjawab persoalan berbentuk historis selain daripada menghuraikan paradigme teoritis klasik. Anderson (1966:33) berpendapat bahawa dalam sosiologi sejarah,

the method . . . is . . . to analyse the present situation as a *totality*, in which the determination of the crisis in each sector is to be located within that sector . . . while all the sectors together are structurally integrated in a significant whole—founded by their complex social past.

Sebaliknya, Skocpol (1985:361) berpendapat bahawa “there are no mechanical recipes for proper methods of historical sociology”. Bahkan “one can devise a ‘map’ of alternative strategies for research and writing that have been and are likely to continue to be chosen” (Skocpol, 1985:362).¹⁵ Strategi penyelidikan ini melibatka pemilihan konsep yang boleh dirumus untuk berbagai-bagai pertingkat penggunaan. sehubungan dengan itu bukan saja jenis konsepp dan teori yang hendak digunakan oleh seseorang penyelidik itu perlu diambilkira (Bonnell, 1980), tetapi juga fungsi yang dimainkan oleh konsep dan teori dalam keseluruhan penyelidikan yang dicadangkan itu. Dalam hal ini terdapat dua isu yang berakaitan iaitu, pertamanya, interaksi teori serta konsep dengan bukti sejarah, keduannya, bentuk perbandingan yang terdapat dalam penyelidikan berbentuk sosiologi sejarah.

Secara umum terdapat tiga strategi utama untuk menyatukan sejarah dan idea-idea bersifat teoritis bagi mengkaji masyarakat sesebuah negara, peradaban, sistem dunia, sistem budaya, komuniti atau unit-unit analisis yang lain, yang merupakan premis berlakunya proses atau hubungan sebab akibat yang dikaji (Skocpol, 1985). Strategi-strategi itu ialah menggunakan satu model teoritis ke atas satu atau lebih peristiwa yang diliputi oleh model itu. Kedua, menggunakan keaturan sebab akibat (*causal regularities*) yang menarangkan proses atau hasil/kesan sejarah yang telah didefinisikan secara khusus serta meneroka hipotesis gantian untuk mencapai matlamat itu. Ketiga, menggunakan konsep untuk mengembangkan apa yang paling baik digelar sebagai tafsiran sejarah yang bermakna (*meaningful historical interpretations*).¹⁶

Ketiga-tiga strategi itu sebenarnya tidaklah terpisah antara satu sama lain, sungguhpun dilakukan demikian untuk tujuan perbincangan. Berbagai-bagai kombinasi boleh dilakukan secara kreatif untuk menghasilkan penyelidikan yang lebih berkesan lagi sahih. Juga, setiap strategi/kaedah itu boleh digunakan ke atas satu atau lebih kes sejarah melalui penyelidikan sejarah secara perbandingan.

Selain daripada strategi yang dikemukakan oleh Skocpol, Bonnell (1980) telah membezakan sekurang-kurangnya dua pendekatan iaitu, *mediation of history by theory* dan *mediation of history by concepts*. Perbezaan ini dibuat berdasarkan sama ada penyelidik menekankan teori atau pun konsep sebagai alat analisisnya yang utama. Pendekatan pertama melibatkan perumusan pernyataan atau model teoritis. Bukti empiri kemudiannya dicari untuk mengebahkan atau membuktikan salahgunaan teori itu semasa mentafsir sejarah. Dalam pendekatan kedua pula, konsep dan bukannya teori atau pun model yang menjadi alat analisis yang utama. Konsep digunakan untuk melicinkan pemilihan, penyusunan dan pentafsiran bahan-bahan empiri.

Satu lagi strategi/kaedah yang boleh disebutkan di sini ialah mengkombinasikan unsur-unsur dua strategi yang berlainan untuk mendapatkan penganalisaan yang lebih bermakna. Percantuman ini dilakukan secara kreatif. Lazimnya pencantuman dibuat antara kaedah penggunaan model teoritis dan keaturan/hipotesis sebab akibat, antara penggunaan model teoritis dan konsep serta antara usaha interpretatif dan analisis sebab akibat. Pencantuman¹⁷ yang sedemikian membolehkan penganalisaan yang bermakna serta hujah yang lebih komprehensif dihasilkan.

Sungguhpun beberapa strategi/kaedah telah dikemukakan dalam usaha mengkaji data sejarah, namun strategi itu tidak boleh menggantikan:

basic epistemological and substantive choice or render grand theories and meaningful world views superfluous. By using this research strategy makes possible lively debates about the regularities to be found in history and about the specific usefulness — or lack of it — of alternative theories and concepts for formulating valid causal arguments about those regularities (Skocpol, 1985:385).

V

KESIMPULAN

Keterangan ringkas tentang sosiologi sejarah dan kaedahnya menunjukkan bahawa lazimnya bidang ini mengambilkira analisis yang bersifat menyeluruh dan makro serta pada skel yang besar tentang sesuatu perkara yang dikaji. Namun demikian, tidaklah bermakna bahawa unit analisis yang kecil tidak boleh dikaji dengan menggunakan kaedah sosiologi sejarah ini.

Sosiologi sejarah berusaha menganalisis proses dan masalah social masyarakat lepas. Dirasakan perlu mendekati dan memahami proses dan masalah sosial secara analisis historis kerana terdapatnya kesan masa lampau dalam masa kini. Punca sesuatu masalah misalnya terletak dalam masa lepas dan dengan itu, harus dikaji dengan mengambilkira peristiwa-peristiwa yang berlaku menerusi masa. Pendek kata realiti sosial tidak boleh dikaji secara terpisah daripada satu keseluruhan. Lagipun, terdapat pengaruh timbal-balik antara umpamanya sistem budaya, institusi, situasi peristiwa dan masyarakat apabila berlakunya sesuatu.

Memandangkan hal sedemikian, maka adalah berfaedah, bahkan perlu sosiologi dan sejarah digabungkan atau pun sekurang-kurangnya jurang antara dua disiplin ini dirapatkan. Ini kerana dengan berbuat demikian, kedua-dua bidang tersebut akan memperolehi faedahnya.

NOTA KAKI

¹Perkembangan sosiologi bersifat akademik di negara-negara Perancis dan Jerman berkait rapat dengan kritikan yang diajukan terhadap historiografi bersifat deskriptif dan falsafah spekulatif sejarah. Definisi awal tentang skop dan sifat sosiologi tidak boleh dipisahkan daripada polemik antara sejarah dan disiplin baru itu (Zaret, 1978:114-115).

²Karya oleh Bellah, Bendix, Lipset, Merton, Moore, Nesbit, Smelser, Swanson dan Tilly menunjukkan bahawa kadangkala sosiologi membayangkan sentimen sejarah yang kuat (Erikson, 1970:331).

³Burke (1980) dan Neale (1981) telah mengesyorkan supaya diadakan pertukaran pendapat antara sosiologi dan sejarah.

⁴Terdapat beberapa stereotaip yang membezakan antara sosiologi dan sejarah. Contoh: sejarah lebih menumpu kepada peristiwa, data dan perkara yang khusus. Sebaliknya, sosiologi lebih tertarik kepada proses, konsep dan perkara yang umum. McKinney (1957:228-29) pula berpendapat bahawa, “The historians is concerned with processes and structures that are singular in their space-time occurrence; hence he does not conceive of them as being repeatable, whereas the sociologist adopts the opposite view. The sociologist is concerned with the repetitive and constant factors, or tendencies to regularity, of human society.” Walau bagaimanapun, sempadan yang memisahkan dua bidang ini kian meruntuh.

⁵Sekiranya penyelidikan sejarah dibuat ke atas zaman kesultanan Melaka di abad 15 dan 16 misalnya, tindakan dan ciri-ciri watak individu tertentu, terutama sultannya, menjadi pusat perhatian. Hasilnya, sejarah yang konvensional atau sejarah seperti yang difahami hari ini sering dilihat sebagai satu kumpulan tindakan tersendiri (*discrete*) oleh orang perseorangan dan yang tidak memberikan kesinambungan penyelidikan yang sebenar.

⁶Erikson (1970:334) berpendapat bahawa, “In general historians are likely to feel that a given outcome is explained if they can relate a credible story about the sequence of events that led up to it or the motives that impelled it, while sociologists are likely to feel that an outcome is explained if they can trace its connection to other institutions and forces in the surrounding environment.”

⁷Ferdinand Braudel (1981) daripada Annales School di Perancis adalah contoh seorang tokoh sejarah yang menyeberangi sempadan sosiologi sejarah ini.

⁸Dalam bidang sejarah juga telah berlaku kegerhanaan apabila historiografi tradisional diselindungi historiografi analitik. Hal ini berlaku apabila terdapat peralihan minat daripada sejarah pentadbiran, diplomatik dan politik ke arah sejarah sosioekonomi (Zaret, 1978:118).

⁹Contoh: Perry Anderson (1974), seorang sosiologis yang menyeberangi sempadan sosiologi sejarah.

¹⁰Satu contoh klasik ialah Emmanuel Le Roy Ladurie (1980) daripada Annales School, Perancis.

¹¹Lihat umpamanya Lipset (1968), Skocpol (1985), Bonnell (1980) dan Eisenstadt (1963) untuk perbincangan lanjut.

¹²Kegerhanaan atau situasi terhalang ini telah muncul selepas Perang Dunia Kedua, terutama tahun-tahun terkemudian 1940-an dan tahun-tahun 1950-an apabila munculnya paradigme fungsionalisme dalam bidang sosiologi (paradigme ini telah muncul lebih awal dalam bidang antropologi), iaitu satu perspektif yang menekankan cara-cara bagaimana keseimbangan dan keharmonian sosial mengasaskan konflik dan ketegangan. Golongan fungsionalis dan evolusionis menganggap *societal differentiation* sebagai kunci kepada usaha mengkelasifikasi dan menyusun semula jenis masyarakat dan menerangkan tentang transformasi susunan sosial daripada bercorak tradisional kepada moden (lihat umpamanya M.J. Leavy Jr., *Modernization and the Structure of Societies* (1966) dan N.J. Smelser, *Mechanisms of Change and Adjustment to Change* (1963)). Perkembangan ini ada kaitannya juga dengan konflik politik ketika itu seperti Perang Dingin, dan situasi hegemonik Amerika Syarikat dalam susunan antarabangsa yang dibentuk selepas Perang Dunia Kedua itu. Suasana politik pada masa itu, yang dilahirkan dalam bentuk *McCarthyism* di Amerika Syarikat telah juga menyumbang ke arah menghalang pemikiran bercorak kritis.

¹³ Lipset (1968), Bonnell (1980) dan Skocpol (1985) adalah antara tokoh yang telah membincangkan tentang hal-hal yang menyumbang ke arah kebangkitan semula minat terhadap sosiologi sejarah.

¹⁴ Sebenarnya usaha untuk mencapai suatu koordinasi yang bermakna antara sosiologi dan sejarah masih belum berjaya disebabkan tidak terdapat satu kerangka teoritis yang satu (unified), yang boleh dirujuk oleh kedua-dua penyelidikan/kajian bercorak sosiologi dan sejarah. Tanpa kerangka sedemikian seorang pengkaji mungkin akan memberi gambaran ia hanya cuba membawa karyanya dari bidang sosiologi ke bidang sejarah atau sebaliknya.

¹⁵ ‘Peta’ ini pula merupakan satu strategi yang praktis untuk penyelidikan dan persembahan hujah (Skocpol, 1985:385). ‘Peta’ ini dianggap perlu untuk menunjukkan pendekatan, kaedah, strategi gantian yang ada bagi merumuskan teori dan konsep yang hendak digunakan serta cara menggunakan teori dan konsep itu ke atas masalah yang bersifat sejarah.

¹⁶ Untuk keterangan lanjut tentang kaedah/strategi ini, sila lihat antara lain Skocpol (1985) dan Bonnell (1980).

¹⁷ Antara tokoh sosiologi sejarah yang telah mencantumkan strategi untuk menghasilkan penganalisaan dan penerangan yang lebih sahih serta komprehensif ini ialah Tilly (1976), Wallerstein (1974), Gouldner (1970) dan Fredrickson (1981).

BIBLIOGRAFI

- Abrams, P., 1982. *Historical Sociology*, Cornell University Press, Ithaca.
- Anderson, P., 1966. 'Socialism and Pseudo-Empricism', *New Left Review*, 35.
- _____, 1974. *Passages from Antiquity*. New Left Books, London.
- _____, 1974. *Lineages of the Absolutist State*. New Left Books, London.
- Barnes, H.E., 1948. *Historical Sociology: Its Origin and Development*. Philosophical Libraray, New York.
- Becker, H., 1940. 'Historical Sociology', dalam H.E. Barnes, H. Becker dan F.B. Becker (peny.), *Contemporay Social Theory*. D. Appleton-Century Co., New York.
- _____, 1950, *Through Values to Social Interpretations*. Duke University Press, Durham.
- Bendix, R., 1956. *Work and Authority in Industry*. University of California Press, Berkeley.
- _____, 1977. *Nation-Building and Citizenship*. University of California Press, Berkeley.
- Bonnell, V., 1980. 'The Uses of Theory, Concepts and Comparison in Historical Sociology', *Comparative Studies in Society and History*. 22(2):156-73.
- Braudes, F., 1981. *Civilization and Capitalism, 15th-18th Century*. Jld. I-III, Harper and Row, New York.
- Burke, P., 1980. *Sociology and History*. George Allen and Unwin, London.
- Chirot, D., 1976. 'Introduction: Thematic Controversies and New Development in the Uses of Historical Materials by Sociologists', *Social Forces*. 55(2).
- Cohn, B.s. 1980. 'History and Anthropology', *Comparative Study of Society and History*. Jld. 22.
- Durkheim, E., 1897. *Suicide*. Paris.
- _____, 1958. *Socialism and Saint Simon*. Routledge, London.
- Eisenstadt, S.N., 1963. *The Political Systems of Empires*. The Free Press, New York.
- Erikson, K.T., 1966. *Wayward Puritans*. Wiley, New York.
- _____, 1970. 'Sociology and the Historical Perspective', *The American Sociologist*. 5:331-338.
- Fredrickson, G., 1981. *White Supremacy: A Comparative Study in American and South African History*. Oxford University Press, New York.
- Ginsberg, M., 1932. 'History and Sociology', dalam *On the Diversity of Morals*. Macmillan, New York.
- Gouldner, A.W., 1970. *The Coming Crisis of Western Sociology*. Heinemann, London.
- Jones, E.L., 1974, 'Review of Darby et. al.: A new historical geography of England', *Annals of the Association of America Geographers*. 64:460-1.
- Judt, T., 1979. 'A Clown in Regal Purple: Social History and the Historians', *History Workshop*. 7:66-94.

- Le Roy Ladurie, E., 1980. *The Peasants of Languedoc*. Terjemahan John Day. University of Illinois, Urbana.
- Lipset, S.M., 1968. 'History and Sociology: Some Methodological Considerations', dalam S.M. Lipset dan R. Hofstadter (peny.), *Sociology and History: Methods*. Basic books, New York.
- McKinney, J.C., 1957. 'Methodology, Procedures and Techniques in Sociology', dalam Becker, H., dan A. Boskoff (peny.), *Modern Sociological Theory in Continuity and Change*. Dryden Press, New York.
- Mills, C.W., 1959. *The Sociological Imagination*. Oxford University Press, New York.
- Moore Jr., B., 1966. *Social Origin of Dictatorship and Democracy*. Beacon Press, Boston.
- Nadel, S.F., 1951. *The Foundations of Social Anthropology*. Free Press, New York.
- Neale, R.S., 1981. *Class in English History*. Basil Blackwell, Oxford.
- Oppenheimer, F., 1927. 'History and Sociology', dalam W.F. Ogburn dan A. Goldenweiser (peny.), *The Social Sciences and Their Interrelations*. Houghton Mifflin Cp., Boston.
- Parsons, T., 1951. *The Social System*. The Free Press, Glencoe.
- Ragin, C.C., 1981. 'Comparative Sociology and the Comparative Method', *International Journal of Comparative Sociology*. 22(1-2).
- Ragin, C.C. dan Zaret, D., 1983. 'Theory and Method in Comparative Research: Two Strategies', *Social Forces*. 61(3):731-54.
- Skocpol,T., 1979. *States and Social Revolution: A Comparative Analysis of France, Russia and China*. Cambridge University Press, Cambridge.
- _____, 1985, *Vision and Methods in Historical Sociology*. Cambridge University Press, New York.
- _____, dan M. Sommers, 1980. 'The Use of Comparative History in Macrosocial Inquiry', *Comparative Studies in Society and History*. 22:17-97.
- Smelser, N.J., 1959. *Social Change and the Industrial Revolution*. University of Chicago Press, Chicago.
- Smith, D., 1982. 'Social History and Sociology—more than just good friends', *Sociological Review*. 30(2):286-308.
- Sommit, A. dan J. Tannenhouse, 1964. *American Political Science: Profile of a Discipline*. New York.
- Tilly, C., 1976. *The Vendee*. Harvard University Press, Cambridge, Mass.
- _____, 1981. *As Sociology Meets History*. Academic Press, London
- Timasheff, N.S., 1955. *Sociological Theory: Its Nature and Growth*. Doubleday, Garden City, New York.
- Tomasson, R.F., 1978. 'Introduction' dalam R.F. Tomasson (peny.), *Comparative Studies in Sociology*. Jld. 1, JAI Press, Greenwich, C.T.
- Wallerstein, I., 1974. *The Modern World System*. Academic Press, New York.
- Weber, M., 1959. *The Methodology of the Social Sciences*. Free Press, New York.

- Wolff, K.H., 1959. 'Sociology and History: Theory and Practice', *Journal of Sociology*. 65(1):32-8.
- Xenopol, A.D., 1938. Dalam Barnes, H.E., dan Becker, H., *Social Thoughts from Lore to Science*. Heath and Co., Boston D.C.
- Zaret, D., 1978. 'Sociological Theory and Historical Scholarship', *The American Sociology*. 13:113-21.